UUM/0099/um/22.11.2005/p:12(5)

Tahniah kepada Naib Canselor UUM

UM 22/11/05 12:5

Saudara Pengarang,

TAHNIAH diucapkan kepada Datuk Dr. Nordin Kardi, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) kerana berjaya membawa suatu arus perubahan dalam menjaga kebajikan pelajar selari dengan tujuan pembentukan kabinet Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Pemberian elaun bulanan kepada Yang Dipertua dan Setiausaha Agung MPP, serta penginapan percuma selama memegang jawatan, elaun makanan, cuti sabatikal jika perlu telah banyak meringankan bebanan yang ditanggung oleh barisan kepimpinan tertinggi mahasiswa UUM khususnya dalam menjalankan tanggungjawab berat selaku pemimpin pelajar.

Langkah ini wajar dicontohi oleh IPTA yang lain.

Tidak salah jika kemudahan-kemudahan ini disediakan dan diseragamkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. — **EX-MPP, KUTKM, Melaka.**